

**Analisis Manhaj Ilmu Rasm dalam Surah Al-Baqarah: Kajian Manuskrip Al-Quran
MSS 4322 Karangan Pangeran Jimat**

***Analysis of Manhaj Rasm in Surah Al-Baqarah: A Study of Manuscripts Al-Quran MSS
4322 by Pangeran Jimat***

Siti Azwanie Che Omar
Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
siti.azwanie@yahoo.com

Sedek Ariffin
Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
sedek2001@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.1>

Abstract

Rasm is a learn about the writing of the mushaf al-Quran specifically either in writing, pronunciation or the forms of letters used. The purpose is as a guide to the next copyist of the Qur'an so that his writing does not deviate from the writings of the companions of the Prophet SAW. The main focus of this study is to analyze the manhaj rasm found in surah al-Baqarah from the manuscript al-Quran MSS 4322 collection of the National Library of Malaysia. Manuscript al-Quran MSS 4322 is a handwritten by Pangeran Jimat in Madura, Indonesia. Pangeran Jimat was a sultan who ruled Madura in the 17th century AD. This study was conducted through a philological approach. The method used throughout this study is the method of data collection through documentation method that is by analyzing the text of the Qur'an MSS 4322. The findings show that the analysis of official knowledge in the manuscript of the Qur'an MSS 4322 clearly shows the writing of official knowledge of the manuscript al-Quran MSS 4322 does not take the main view, Abu Dawud Sulayman al-Najah as the opinion in the mushaf of Madinah and the second view of Abu Amr Uthman bin Sa'id al-Dani represents the view of the mushaf of the Libyan Jamahiriyyah. Especially, in setting seven methods in Uthman official writing, namely hadhf alif, ziyadah alif, ziyadah waw, ziyadah ya and words that contain two or more readings. All in all, more to the writing of the Imla'i rasm except only on the determination of the method of hadhf alif on ha tanbih, hadhf alif on the noun isim, ibdal alif on waw, wasl, fasl and the use of hamzah wasal and hamzah qata 'only using the Ottoman rasm. The findings of this study, the author proposes that this study can be done continuously on other surah in the manuscript of the Qur'an MSS 4322, especially aspect rasm. Therefore, this manuscript of the Qur'an is a great manuscript that will enhance the dignity and writings of previous scholars academically and more authoritatively to the digital generation, especially in the field of the Qur'an.

Keywords: *Manhaj, Dabt, Manuscript of al-Quran, MSS 4322, Pangeran Jimat*

Abstrak

Ilmu rasm merupakan ilmu untuk mempelajari tentang penulisan mushaf al-Quran yang dilakukan secara khusus sama ada dalam penulisan, lafal-lafal atau bentuk-bentuk huruf yang digunakan. Tujuannya sebagai panduan kepada penyalin al-Quran yang seterusnya supaya tidak terpesong tulisannya dari tulisan mushaf sahabat Rasulullah SAW. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis manhaj ilmu rasm yang terdapat pada surah al-Baqarah di dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip al-Quran MSS 4322 adalah sebuah manuskrip al-Quran tulisan tangan Pangeran Jimat di Madura, Indonesia. Pangeran Jimat adalah merupakan sultan yang memerintah Madura pada kurun ke 17 Masihi. Kajian ini dilakukan melalui pendekatan filologi. Metode yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan adalah metode pengumpulan data melalui metode dokumentasi iaitu dengan cara menganalisis teks naskhah al-Quran MSS 4322. Hasil dapatan kajian yang diperolehi pada analisis ilmu rasm dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 jelas menunjukkan penulisan ilmu rasm manuskrip al-Quran MSS 4322 tidak mengambil pandangan utama, Abu Dawud Sulayman al-Najah sebagai pendapat dalam mushaf Madinah dan pandangan kedua Abu Amr Uthman bin Sa'id al-Dani mewakili pandangan mushaf Jamahiriyah Libya. Terutama sekali, dalam menetapkan tujuh kaedah dalam penulisan rasm Uthmani iaitu *hadhf* alif, *ziyadah* alif, *ziyadah* waw, *ziyadah* ya serta kalimah yang mengandungi dua bacaan atau lebih. Kesemuanya, lebih kepada penulisan rasm Imla'i kecuali hanya pada penetapan kaedah *hadhf* alif pada ha *tanbih*, *hadhf* alif pada kata nama "isim", *ibdal* alif kepada waw, *wasl*, *fasl* dan penggunaan hamzah *wasal* dan hamzah *qata'* sahaja menggunakan rasm Uthmani. Hasil daripada dapatan kajian ini, penulis mengemukakan cadangan supaya kajian ini dapat dilakukan secara berterusan pada surah-surah yang lain di dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 terutamanya dari sudut ilmu rasm. Oleh itu, manuskrip al-Quran ini merupakan naskhah agung yang akan meninggikan martabat dan karya-karya penulisan ulama terdahulu secara akademik dan lebih berautoriti kepada generasi digital khususnya dalam bidang al-Quran.

Kata kunci: *Manhaj*, *Dabt*, Manuskrip al-Quran, MSS 4322, Pangeran Jimat,

Pendahuluan

Al-Quran adalah kitab suci Allah SWT yang sentiasa dikaji dalam pelbagai aspek melebihi buku-buku dan kitab-kitab yang lainnya. Tujuannya, bagi mengetahui ilmu-ilmu yang tersingkap di dalamnya. Ilmu rasm adalah ilmu yang mempelajari tentang penulisan mushaf al-Quran yang dilakukan secara khusus sama ada dalam penulisan, lafal-lafal atau bentuk-bentuk huruf yang digunakan.¹ Ilmu ini ditulis oleh Zaid bin Thabit ketika zaman pemerintahan Uthman Bin Affan RA. Tujuannya sebagai panduan kepada penyalin al-Quran seterusnya supaya tidak terpesong tulisannya dari tulisan mushaf sahabat Rasulullah SAW. Ilmu rasm al-Quran telah dibukukan dalam karangan para ulama seperti kitab al-Muqni karya Abu "Amrin al-Dani, Mukhtasar al-Tabyin li Hija'i al-Masahif tulisan Abu Daud Sulaiman Bin Najah. Dalil al-Hairan Syarh "Umdah al-Bayan oleh Ibrahim al-Marigin dan Samir al-Talibin fi Rasm al-Kitab al-Mubin karangan Ali Muhammad al-Dabba'.²

Rasmul Quran terbahagi kepada dua bahagian iaitu rasm Qiasi atau Imla'i dan rasm Istilahi atau Uthmani. Penggunaan penulisan rasm Uthmani dalam al-Quran adalah wajib. Hal ini adalah persepakatan ijma' para sahabat iaitu dalil yang kuat dalam hukum syarak selepas al-Quran dan Hadith. Berdasarkan kitab al-Muhith al-Burhani dalam fiqh Hanafi menerangkan bahawa tidak harus seseorang menulis al-Quran tanpa rasm Uthmani. Begitu juga kata An-

¹ Aslam Farah Selamat & Mardhiah Yahya, Pengetahuan Rasm Al-Quran Dalam kalangan Pelajar Semester Pertama Ijazah Sarjana Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS, Persidangan Antarabangsa Islamiyyat Kali ke-3 (IRSYAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2017.

² H. Hisyami Yazid, *Ilmu Rasm Pedoman Mentashih Mushaf* (Aceh: Perpustakaan Nasional, 2012).

Naisaburi, jemaah imam memberi pandangan wajib di atas Qurra dan ulama serta penulis kitab, mengikut penulisan mushaf rasm Uthmani kerana ia ditulis oleh Zaid bin Thabit yang sangat amanah kepada Rasulullah SAW dan setiap wahyunya.

Rasm Qiasi atau Imlai adalah penulisan menurut kelaziman pengucapan manakala Rasm Uthmani adalah penulisan menurut kaedah tertentu dimana ia tidak sama dengan penulisan biasa dari segi sebutan kerana ia menggunakan beberapa kaedah dalam penulisan rasm Uthmani yang merangkumi enam perkara utama antaranya membuang (*al-hadzaf*), menambah (*al-ziyadah*), mengganti (*al-ibdal*), menyambung (*al-wasl*) atau menceraikan (*al-fasl*) huruf dan mengekal (*al-ithbat*) penulisan hamzah.

Metodologi Kajian

Jenis reka bentuk kajian ini adalah kualitatif iaitu bersifat penelitian terperinci bagi menjelaskan maklumat atau isi kandungan kajian ini³. Tujuan utama penulis menggunakan metode ini adalah untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan melalui perpustakaan⁴. Kajian ini tertumpu pada manuskrip al-Quran yang dikodkn dengan MSS 4322 karangan Pangeran Jimat dalam menganalisis teks naskhah yang ditulis oleh beliau.

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang menjadikan perpustakaan sebagai metode utama untuk melakukan kajian. Pemilihan metode yang tepat adalah sangat penting kerana ia akan memberi kesan kepada kajian ini sama ada ia bersifat ilmiah atau sebaliknya. Ekoran hal itu, selain perpustakaan metode utama yang lain digunakan oleh penulis dalam kajian ini iaitu Metode pengumpulan data.⁵ Metode Perpustakaan berkaitan dokumen kepustakaan. Ia adalah terdiri daripada buku, jurnal dan kertas kerja yang berkaitan dengan ilmu rasm. Disebabkan kajian ini adalah kajian perpustakaan maka, penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat bagi bab keempat yang terdapat di dalam kajian.⁶

Ciri-ciri Manuskrip Al-Quran MSS 4322

Pengenalan manuskrip al-Quran yang berjudul “MSS 4322” ianya diperolehi daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Ianya dihantar oleh Tuan Haji Yahya Abdul Rahman pada tahun 2010. Kertas khas yang digunakan pada manuskrip al-Quran MSS 4322 ini dikenali sebagai kertas daluang yang bewarna putih kekuningan. Terdapat hanya sedikit kotoran dan kebanyakan halaman berada dalam kondisi yang baik. Keseluruhan teks juga terpelihara kerana telah melakukan langkah-langkah pemeliharaan dengan menyapu kapur barus pada manuskrip supaya tidak dirosakkan oleh serangga disamping menjaga ketahanan kertas dan jilidan. Manuskrip ini adalah sebuah naskhah al-Quran tulisan Pangeran Jimat yang mana merupakan sebuah naskhah yang masih kekal tulisannya sehingga ke hari ini. Manuskrip al-Quran ini dipercayai hasil tulisan ulama di Madura kerana tertulis nama Pangeran Jimat di halaman hadapan manuskrip dan kakak iparnya Nyai Izzah bersama saudara perempuannya Ratu Tirtonegoro di halaman belakang manuskrip. Kedua-duanya merupakan isteri kepada Bindara Saod. Nama penuh beliau ialah Raden Ahmad atau lebih dikenali sebagai Pangeran Jimat. Beliau merupakan putera daripada pangeran Romo dengan R.Ayu Gumbrek iaitu puteri daripada pangeran Panji Polang Jiwo. Raden Jimat telah menggantikan ayahandanya, pangeran Romo menjadi seorang raja di wilayah Sumanep selepas ayahnya wafat. Manakala di wilayah

³ Kamal Azmi, Tusuf Marlon, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah & Sahlawati Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam* (Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2014).

⁴ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd., 2011).

⁵ Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, *Memahami Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam* (Selangor: Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi, 2012).

⁶ Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016).

Pamekasan pula diperintah oleh saudara ayahnya sendiri iaitu R. Djoyonegoro berpangkat Temenggung. Pemerintahan pangeran Jimat di Sumanep bermula pada tahun 1721 sehingga 1744 Masihi. Manuskrip ini dipercayai kepunyaan ahli keluarga diraja Pangeran Jimat kerana jilidan kulitnya yang tebal dihasilkan daripada pokok kayu yang diukir dengan lukisan bermotifkan flora. Berkerawang mengikut “*blok*” nya yang mana disadur tembaga dan serbuk emas pada kulit dan kelepek jilidan tersebut. Selain itu, manuskrip al-Quran MSS 4322 mempunyai ketebalan setinggi 4.2 sentimeter, panjang 33.5 sentimeter dengan lebar 23 sentimeter persegi. Keseluruhan mushaf terdapat 606 muka surat kesemuanya.

Analisis Manhaj Ilmu Rasm dalam Manuskrip Al-Quran Mss 4322

Dalam menganalisis aspek rasm al-Quran, penulis merujuk karya Abu Amr Uthman bin Sa'id Al-Dani dalam kitab *al-Muqni' fi Ma'rifat Marsum Masahif Ahl al-Amsar* dan kedua, kitab *Mukhtasar al-Tabayin li Hija al-Tanzil* karya Abu Dawud Sulayman al-Najah sebagai rujukan utama. Dikenali sebagai ulama' *Shaikhani* kedua-dua tokoh ini mahir dalam bidang ilmu rasm. Bagi mengetahui kaedah yang digunakan dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 ini, penulis memilih Imam al-Zarqani dalam Manahil al-Irfan memberi peringkasan yang jelas dalam menerangkan enam kaedah rasm Uthmani yang melibatkan *hadhf*, *ibdal*, *ziyadah*, penulisan hamzah, *fasl* dan *wasl* dan kalimah yang mempunyai dua bacaan atau lebih.



***Hadhf*⁷**

Setelah dianalisis secara keseluruhannya, terdapat 160 kalimah yang dikeluarkan daripada manuskrip al-Quran MSS 4322 yang telah dikaji berkaitan *hadhf* alif. Daripada mushaf tersebut, kebanyakkan tulisannya mengikut kaedah rasm Imla'i, kecuali pada beberapa tempat yang dapat dikenalpasti kalimah penulisannya lebih kepada rasm Uthmani iaitu pada 43 tempat seperti kalimah (فادرتم)، (فاهو)، (بضارين)، (ووصى)، (إسحق)، (إسمعيل)، (أولئك)، (ذلك)، (هذا)، (ماء)، (ثلاثة)، (الغمام) (تمسوهن)، (مولنا)، (الرحمن)، (ولكن)، (وإله)، (الله)، (الرضاعة)، (اوننساها)، (فأزلهما)، (اشتره)، (إذاترضوا)، (ذلك)، (رب)، (دعان)، (تكفرون)، (فاتقون)، (فارهبون)، (دعوةالداغ)، (وباءو)، (القيمة)، (مواقيت)، (الصواعق)، (أزواج)، (عدون)، (اجعل)، (أندرتهم) dan (يعلمان)، (قلءاتتم)، (التي)، (الذي)، (الذين)، (النبين)، (اجعل) pada al-Baqarah ini tidak mengikut kepada kaedah rasm Uthmani, hanya terdapat 43 kalimah sahaja ayat al-Quran di atas yang ditulis dengan menggunakan rasm Uthmani. Selebihnya lagi 117 perkataan ditulis dengan menggunakan rasm Imla'i iaitu menambah (*ithbat*) alif.

Antara kalimah yang didapati sama penulisan rasm Uthmani dengan manuskrip al-Quran MSS 4322 ini, termasuklah huruf ajam pada kalimah (إسحق) (إسمعيل) sebaliknya kalimah (سليمان) masih ditulis dalam bentuk Imla'i. Terdapat sebanyak 13 perkataan nama-nama ajam yang berkaitan dengan *hadhf* alif, tetapi enam daripadanya seperti لقمان، هارون، ميكال، سليمان، disepakati dengan *hadhf* alif. Kata al-Dani, “Telah sepakat penulis-penulis mushaf untuk meng*hadhf* alif bagi nama-nama ajam seperti yang ditulis di atas”. Manakala, terdapat

⁷ *Hadhf* menurut bahasa membawa maksud membuang, menggugurkan atau menghilangkan. Kata *al-hadhaf* dalam ilmu rasm al-Quran ini bukan membawa maksud huruf itu bercantum dalam tulisan kemudian dibuang atau dihilangkan, tetapi maksudnya disini menurut istilah huruf-huruf tidak dicantumkan tulisannya dalam mushaf Uthmani tetapi wajib diucapkan dalam dalam bacaan seperti kata (ملك) ditulis tiga huruf yang disebut dengan *hadhf alif* kerana diantara huruf mim dan huruf lam dibaca oleh empat orang imam 'Asim, Kisai Yaqub dan khalaf dengan bunyi alif tetapi alif itu tidak bercantum dalam tulisan mushaf Uthmani. Sedangkan selain mereka membacanya dengan tidak berbunyi alif (ملك). Rujukan daripada Muhammad Karim Rajih, *al-Qira'at al-Asy al-Mutawatirah min Tariqai al-Syatibiyah wa al-Durrah bi Hamisyi Al-Qut'an al-Karim*, cet ke III (Siriayah: 1994), 1.




lima perkataan yang berbeza antara *hadhf* dan *ithbat* alif iaitu، هاروت، هامان، قارون، إسرائيل، dan


ماروت. Perkataan  diulang sebanyak 43 kali semuanya *hadhf* alif dalam mushaf riwayat Hafs dan *ithbat* dalam mushaf riwayat Qalun dan Warsh. Faktor perbezaan ini disebabkan penulisan perkataan ini, terdapat dua bentuk di dalam mushaf Uthmaniah yang asal sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Dani.⁸ *Katanya, demikian juga perkataan*  *ditulis dengan ithbat alif dalam kebanyakan mushaf-mushaf dan aku temui yang demikian itu di dalam mushaf-mushaf Madinah, Iraq dan mushaf-mushaf atiq dengan hadhf alif tetapi kebanyakan dengan ithbat alif.*




Menurut pandangan al-Dani, kebanyakan penulisan mushaf adalah dengan cara *ithbat* alif. Disebabkan faktor ini mushaf Qalun dan Warsh ditulis dengan *ithbat* alif. Manakala mushaf Hafs yang ditulis dengan mushaf alif adalah mengikut pendapat Abu Dawud yang memilih perkataan ini dengan *hadhf* alif. Justeru, perkataan ini ditulis dalam mushaf-mushaf rasm Uthmani di sebelah barat dengan *ithbat* alif seperti mushaf Qalun dan Warsh. Manakala, mushaf-mushaf rasm Uthmani di sebelah timur seperti Mesir dan Arab Saudi menulis dengan *hadhf* alif seperti mushaf *hafsh*.

Seterusnya, penulisan *hadhf* alif dengan huruf abjad yang melibatkan kalimah (اشتره)، (منسككم)، (القيمة)، (الغمام)، (الرحمن)، (ولكن)، (وإله)، (الرضاعة)، (اونسها)، (فأزلهما) yang mana di *hadhf* alifnya selepas huruf, “ra”, “zai”, “sin”, “dhad”, “lam”, “mim”, “nun” dan “ya”.

Dalam penulisan al-Quran juga, tidak semua cara penulisan Imla’i yang digunakan oleh pengarang, dan juga tidak semua kaedah rasm Uthmani yang diikuti. Oleh itu, dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 ini, penerapan kaedah *hadhf* dapat dikenal pasti pada beberapa tempat seperti meng*hadhfkan* alif pada perkataan yang berhubung dengan damir “نا” a nida’ dan “Ha” tanbih. *Hadhf* alif bagi perkataan yang berhubung dengan damir “نا” yang terletak di

tengah-tengah  dan hujung yang melibatkan *ithbat* alif  terdapat sebanyak 107 perkataan, antaranya ada yang berulang dan ada yang tidak berulang. Begitu juga bagi semua perkataan ya’ nida pada . Terdapat 353 tempat ya nida di dalam al-

Quran dan 279 ha tanbih . Semua perkataan ini disepakati untuk dibuang alifnya tanpa ada kecuali.⁹ *Hadhf* alif ini disandarkan pada riwayat al-Dani.¹⁰ *katanya, telah ijma’ penulis-penulis mushaf dengan hadhf alif daripada ejaan bagi ya nida dan ha tanbih untuk iktisar seperti يارض هذا ياربها الناس dan seumpama dengannya dalam seluruh al-Quran.* Kenyataan ini menunjukkan bahawa *hadhf* alif bagi perkataan-perkataan berikut adalah merupakan kaedah umum dalam seluruh al-Quran tanpa ada pengecualian.

Selain itu, dapat diperhatikan juga pada kalimah ,  dan  menunjukkan perbandingan dalam memasukkan kaedah *hadhf* alif di mana pada kalimah *pertama* alif di*hadhf* sesudah ‘ain. Pada kalimah kedua *hadhf* ya serta *hadhf lam* pada kalimah yang ketiga. Dapat diperhatikan pada naskhah MS 165 kaedah *hadhf alif* pada huruf *alif*, *ya* pada kata *yuhyi* dan *lam*. Dengan memunculkan huruf *ya* di akhir kata *yuhyi* akan menyebabkan terdapat tiga huruf *ya* kerana diikuti dua terakhir huruf *ya* terletak berturutan.

⁸ Al-Dani, *al-Muqni*, 262.

⁹ Demikian juga perkataan ذلك ditulis dalam tiga mushaf terpilih dengan *hadhf* alif.

¹⁰ Al-Dani, *al-Muqni*, 220.

Dalam kaedah rasm Uthmani, huruf ya terakhir dihilangkan walaupun ya kedua tetap dibaca panjang.¹¹

Daripada perbincangan bab *hadhf* dan *ithbat* ini menunjukkan bahawa istilah *hadhf* dan *ithbat* dalam ilmu rasm adalah merujuk kepada fenomena membuang atau menetapkan salah satu daripada lima huruf hijai'yah iaitu alif, wau, ya, lam dan nun di dalam sesuatu perkataan. Antara kelima-lima huruf ini, *hadhf* pada huruf alif, waw dan ya paling kerap berlaku. Selain daripada *hadhf* huruf-huruf tersebut terdapat juga penambahan huruf di dalam sebahagian mushaf Uthmaniah dan pengurangan huruf tersebut di dalam mushaf yang lain. Semua penambahan huruf dan pengurangannya tidak boleh dianggap sebagai kesilapan atau percanggahan antara satu mushaf dengan mushaf yang lain, akan tetapi ia adalah bentuk-bentuk bacaan qiraat al-Quran yang berdasarkan kepada riwayat-riwayat daripada ulama bukan berdasarkan pendapat-pendapat mereka.¹²

***Ibdal*¹³**

Dalam penetapan kaedah *ibdal*, pangeran Jimat telah menggantikan alif dengan waw sesuai kaedah *ibdal* dalam rasm Uthmani ketika menyalin kata-kata *al-salah*, *al-zakah*, *al-hayah* dan *al-riba* tetapi berbeza dari sudut penetapan pada menggantikan ha' ta' nis (ta marbutah) dengan ta maftuhah seperti pada kata rahmah dalam surah al-Baqarah ayat 2: 218, 2: 231, al-A'raf, 7: 56, Hud, 11:73, Maryam, 19: 2, ar-Rum, 30: 2 dan pada beberapa tempat lain.¹⁴ Berdasarkan jadual di atas, penyalin manuskrip al-Quran MSS 4322 mengikuti kaedah rasm Uthmani dalam menggantikan ha' ta' nis (ta marbutah) dengan ta' maftuhah.

***Ziyadah*¹⁵**

Kaedah Ziyadah menjelaskan kalimah ziyadah alif, waw dan ya dalam surah al-Baqarah. Perbincangan ini bermaksud menambah atau mengekalkan sesuatu huruf yang tidak berfungsi pada sesuatu kalimah ketika *waqaf* dan *wasal*. Contohnya, penambahan huruf alif setelah wawu atau yang mempunyai hukum jama' (بنو اسرائيل) dan menambah alif setelah hamzah *marshumah* (hamzah yang terletak di atas wawu. (تَاللّٰهُ تَفْتَوًا)). Huruf alif, waw dan ya yang dikekalkan atau ditambah mempunyai tanda bulat dan kecil diatas seperti (°).

***Hamzah*¹⁶**

Salah satu kaedah bahawa hamzah berharakat sukun ditulis seperti harakat huruf sebelumnya, contoh, (اٰذَن).

¹¹ Al-Suyuti, *al-Itqan fi 'Ulumil al-Quran*, 745.















¹² Ahmad Baha' Mokhtar, "Hadhf dan Ithbat al-Alif Dalam Ilmu Rasm Uthmani: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

¹³ Ibdal atau ithbat beerti "ganti" menurut istilah: menjadikan huruf di tempat huruf yang lain.

¹⁴ Al-Zarqanym, *Nabahilul Irfan* (Beirut: Darul Kitabal-'Arabiyy, 1995), 304.

¹⁵ Maksudnya huruf-huruf yang bercantum tulisannya dalam tulisan tetapi tidak berfungsi dalam bacaan oleh sebab itu dikatakan ziyadah.

¹⁶ Semasa Rasulullah SAW dan sahabat sampai di Abbasiyah, terdapat bunyi pada huruf hamzah dalam bacaan tetapi tidak ada lambang hurufnya yang tersendiri. Apabila al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi sampai di Abbasiyah, beliau membuat lambang badan huruf hamzah yang diambilnya dari kepala huruf 'ain seperti ini (ء). Sejak dari penulisan Khalil itulah maka berlakulah sampai sekarang bahawa rupa bentuk huruf hamzah yang wasal seperti ini (ء). Hamzah terbahagi kepada dua bahagian pertama hamzah *wasal* dan hamzah *qata'*. Rujuk dalam H. Hisyami Yazid, *Ilmu Rasm Pedoman Mentashih Mushaf* (Bandar Aceh: Perpustakaan Nasional, Katalog Dalam Terbitan, Bahasa Indonesia, 2012).

Bilangan	Mushaf Tafsir MS 165	Mushaf Malaysia	Kedudukan Ayat	Uthmani	Imla'i	Keterangan
1.			2:189	√		Hamzah <i>wasal</i> pada fa'al al-kalimah terletak di antara wau atau fa' dan hamzah. ¹⁷
2.			2:223	√		
3.			2:80	√		Hamzah <i>wasal</i> terletak pada fa`el selepas hamzah istifham. ¹⁸
4.			1:5	√		Hamzah <i>qata'</i> ditulis dengan surah alif. ¹⁹
5.			2:54	√		Hamzah <i>kasrah</i> selepas <i>fathah</i> atau <i>dhammah</i> atau <i>kasrah</i> atau berbaris <i>fathah</i> atau <i>dhammah</i> selepas <i>kasrah</i> ditulis dengan surah ya'. ²⁰
6.			2:49	√		Hamzah yang didahului tanda <i>sukun</i> dibuangkan surah hamzah. ²¹
7.			2:6		√	Apabila dua hamzah bertemu bersama

¹⁷ Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani, *al-Muqni'*, 273. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 36,86.

¹⁸ Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani, *al-Muqni'*, 273. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 36,86.

¹⁹ Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani, *al-Muqni'*, 273. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 36,86.



²⁰ Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani, *al-Muqni'*, 273. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 36,86.

²¹ Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani, *al-Muqni'*, 273. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 36,86.

						barisnya dalam satu kalimah maka hamzah pertama ditulis tanpa surah dan hamzah yang kedua di atas surah alif. Sepakat shaikhani menulis dengan meng <i>ithbat</i> satu alif bertemu hamzah <i>istifham</i> dengan hamzah lain. ²²
--	--	--	--	--	--	--















Fasl dan Fasl²³

Penyambungan dan pemisahan seperti kata “*kullun*” yang diiringi dengan “*ma*” ditulis dengan kaedah disambungkan.(كلما).

Bilangan	Mushaf Tafsir MS 165	Mushaf Malaysia	Kedudukan Ayat	Uthmani	Imla’i	Keterangan
1.			2:240		√	Mengikut pendapat ramai terdapat sepuluh tempat yang berlaku khilaf antara <i>qata'</i> dengan <i>wasal</i> . Walau bagaimanapun <i>qata'</i> diutamakan dan

²² Amr ‘Uthman bin Sa’id al-Dani, *al-Muqni*’, 273. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 36,86.

²³ Penulisan dua kosa kata iaitu terpisah sebutannya (القطع) atau (المقطوع) seperti (إن ما) tulisan keduanya dipisah dan disambung disebut dengan (الوصل) atau (الموصول) seperti (إنما) dan sebagainya. Rujuk dalam H. Hisyami Bin Yazid, *Ilmu Rasm Pedoman Mentashih Mushaf* (Bandar Aceh: Perpustakaan Nasional, Katalog Dalam Terbitan, Bahasa Indonesia , 2012.

						selainnya <i>wasal</i> . ²⁴
2.			2:90	√		<i>Qata'</i> (بِسْ) daripada (مَا) pada seluruh al-Quran kecuali pada dua tempat ditulis dengan <i>wasal</i> . ²⁵
3.			2:93	√		Terdapat satu tempat yang berlaku khilaf antara <i>qata'</i> dan <i>wasal</i> . <i>Wasal</i> diutamakan. ²⁶
4.			2:102	√		
5.			2:90	√		
6.			2:115	√		<i>Qata'</i> (أَيْنَ) dari (مَا) pada seluruh al-Quran kecuali pada tempat ditulis dengan <i>wasal</i> . ²⁷
7.			2:144,150	√		Persepakatan para ulama Rasm pada <i>maqtu'</i> . <i>Qata'</i> (حَيْثُ) daripada (مَا) pada dua tempat di dalam al-Quran. ²⁸
8.			2:271	√		Ditulis dengan <i>wasal</i> pada

²⁴ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman al-Dani, *al-Muqni*; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 190.

²⁵ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman al-Dani, *al-Muqni*; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 190.

²⁶ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman al-Dani, *al-Muqni*; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 190.

²⁷ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman al-Dani, *al-Muqni*; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 190.

²⁸ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman al-Dani, *al-Muqni*; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 190.

						kalimah (نعم) dengan (ما). ²⁹
9.			2:32	√		Ditulis dengan <i>wasal</i> pada kalimah (إن) dengan (لا). ³⁰
10.			2:21	√		(يا النداء) dengan kalimah selepasnya. ³¹

Ma fihī Qiraatani-kalimah yang mengandungi dua bacaan ditulis dengan salah satu bacaan.³²

1.			1:4	√		Rasm kalimah yang dibaca dengan alif atau tanpa alif. ³³
2.			2:9	√		
3.			2:132	√		Rasm kalimah kerana perbezaan bacaan dalam bentuk <i>ziadah</i> (menambah) huruf atau <i>ziadah</i> kalimah dibaca dengan (وصى) (بها) atau (وأوصى بها). ³⁴
4.			1:7	√		Kosa kata yang terdapat dua qiraat ditulis dengan salah satunya. Al-Syaikhan sepakat bahawa sin ditulis dengan sad. ³⁵
5.			2:245	√		

²⁹ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman Said al-Dani, al-Muqni; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, al-Tanzil, 2: 190.

³⁰ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman Said al-Dani, al-Muqni; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, al-Tanzil, 2: 190.

³¹ Dalam nota kaki Abu Amr 'Uthman Said al-Dani, al-Muqni; 478 Abu Dawud Sulayman al-Najah, al-Tanzil, 2: 190.

³² Ianya bukan bermaksud qiraat syaz tetapi terdiri daripada tiga bahagian, pertama: kosa kata yang terdapat dua qiraat di dalamnya dua qiraat ditulis salah satunya. Kedua, kosa kata yang terdapat dua qiraat di dalamnya ditulis dengan satu tulisan yang dapat menampung kedua qiraat itu. Ketiga, kosa kata yang terdapat di dalamnya dua qiraat ditulis masing-masing sesuai dengan qiraat.

³³ Abu Amr 'Uthman Sa'id al-Dani, *al-Muqni*, 504. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 41.

³⁴ Abu Amr 'Uthman Sa'id al-Dani, *al-Muqni*, 504. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 41.

³⁵ Abu Amr 'Uthman Sa'id al-Dani, *al-Muqni*, 504. Abu Dawud Sulayman al-Najah, *al-Tanzil*, 2: 41.

Daripada analisis ilmu rasm tersebut jelas menunjukkan penulisan manuskrip al-Quran MSS 4322 tidak mengambil pandangan utama, Abu Dawud Sulayman al-Najah sebagai pendapat dalam mushaf Madinah dan pandangan kedua Abu Amr Uthman bin Sa'id al-Dani mewakili pandangan mushaf Jamahiriyah Libya. Terutama sekali, dalam menetapkan tujuh kaedah dalam penulisan rasm Uthmani iaitu *hadhf* alif, *ziyadah* alif, *ziyadah* waw, *ziyadah* ya serta kalimah yang mengandungi dua bacaan atau lebih. Kesemuanya, lebih kepada penulisan rasm Imla'i kecuali hanya pada penetapan kaedah *hadhf* alif pada ha *tanbih*, *hadhf* alif pada kata nama (isim), *ibdal* alif kepada waw, *wasl*, *fasl* dan penggunaan hamzah *wasal* dan hamzah *qata'* sahaja menggunakan rasm Uthmani.

Antara yang dapat diperhatikan pada kedua-dua mushaf tersebut iaitu perbandingan antara mushaf MSS 4322 dengan mushaf yang digunapakai di Indonesia terdapat beberapa tempat tidak dijumpai rujukan daripada Abu Amr al-Dani seperti kalimah *صراط، ابصارهم، صواعق*، *راعتنا* *امواتا، الراكعين، واحد،* *واحد،* *راعتنا* *واسعا* dan *فراشا، ازواج، امواتا، الراكعين، واحد،* semuanya ditulis dengan *ithbat* alif dalam manuskrip al-Quran MSS 4322. Manakala, kalimah *ابراهيم* dan *اسرائيل* Abu Amr al-Dani menyatakan ada perbezaan pandangan dalam penulisan *اسرائيل* khilaf dalam *ithbat* dan *hadhf* alif, manakala kalimah *ابراهيم* khilaf dalam *ithbat* dan *hadhf* ya. Oleh sebab itu, penulisan kalimah-kalimah tersebut dalam manuskrip masih boleh dikategorikan kepada rasm Imla'i.

Selain itu, dalam mushaf MSS 4322 juga terdapat kalimah *الكتاب، العالمين،* dan *رزقناهم* juga tidak menepati kepada penulisan rasm Uthmani. Secara puratanya, boleh disimpulkan jenis penulisan dalam mushaf MSS 4322 lebih kepada penulisan rasm Imla'i. Jelaslah, kemudahan membaca lebih diutamakan dalam penyalinan mushaf al-Quran pada ketika itu. Kemudahan ini memang diperlukan untuk mengingatkan masyarakat Madura bukan daripada kalangan peluntur bahasa Arab. Dengan demikian, dari sudut rasm manuskrip al-Quran MSS 4322 dari Madura Indonesia dapat disimpulkan bahawa penulisan rasm al-Quran ketika itu tidak begitu konsisten sama ada menggunakan rasm Uthmani atau rasm Imla'i. Terdapat hukum tentang menghilangkan *hadhf* alif. Dalam mushaf ini hampir semua perkataan menggunakan rasm Imla'i dengan kewujudan alifnya. Sedangkan hukum menggantikan *ithbat alif* dengan wawu pada kata *salat*, *zakat* dan *hayat*, *riba* menunjukkan sama dengan rasm Uthmani, mushaf Malaysia.

Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh tiga perkara, pertama tujuannya memudahkan pembaca yang bukan bangsa Arab dan tidak dapat memahami bahasa Arab. Kedua, ilmu tentang rasm uthmani belum sangat dikenali oleh masyarakat pada waktu itu dan yang ketiga, perdebatan tentang wajib atau diharuskan penggunaan rasm Uthmani pada mushaf al-Quran belum berkembang secara keseluruhannya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, ilmu rasm yang dibincangkan dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 secara amnya, menggunakan penulisan campuran uthmani dan juga Imla'i. Tambahan pula, penulisan ilmu rasm dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 sama sekali tidak mengikut piawai kaedah penulisan yang telah ditetapkan oleh Abu 'Amr Uthman al-Dani dan Abu Dawud Sulayman al-Najah. Terutamanya sekali pada tujuh kaedah yang telah digariskan dalam penulisan rasm al-Quran. Hampir keseluruhan kalimah menggunakan penulisan Imla'i, hanya sebilangan sahaja menggunakan kalimah rasm Uthmani. Terdapat 43 kalimah sahaja ayat al-Quran dalam manuskrip yang ditulis dengan menggunakan rasm Uthmani. Selebihnya lagi 117 perkataan ditulis dengan menggunakan rasm Imla'i iaitu menambah (*ithbat*) alif. Ironinya, ilmu-ilmu al-

Quran sangat penting sebagai platform kemajuan ilmu yang kini mengalami perubahan proses pembinaan nasionalnya. Ianya disebut sebagai “culture heritage”. Ia juga dijadikan sebahagian utama dalam kemajuan pendidikan di Indonesia sama ada di pra universiti atau pengajian yang lebih tinggi. Penulisan ilmu-ilmu al-Quran merupakan karya agung yang akan meninggikan martabat dan karya-karya penulisan ulama terdahulu secara akademik dan lebih berautoriti kepada generasi digital khususnya dalam bidang al-Quran.

Rujukan

- Abu Amr Uthman bin Said al-Dani, *al Muqni' fi Ma'rifat Marsum Masahif Ahl al-Amsar*. Riyad: Dar Tadmuriyyah, 2010.
- Abu Dawud Sulayman al-Najah, *Mukhtasar al-Tabyn li Hija al- Tanzil*. Saudi: Majma' al-Malik al-Fadh, 2002.
- Ahmad Baha' Mokhtar, “Hadhf dan Ithbat al-Alif Dalam Ilmu Rasm Uthmani: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, *Memahami Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam. UKM Bangi, Selangor, 2012.
- Al-Quran
- Aslam Farah Selamat & Mardhiah Yahya, Pengetahuan Rasm Al-Quran Dalam kalangan Pelajar Semester Pertama Ijazah Sarjana Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS, Persidangan Antarabangsa Islamiyyat Kali ke-3 (IRSYAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2017.
- Al-Zarqany, Nabahilul Irfan. Beirut: Darul Kitabal-‘Arabiyy, 1995.
- Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd., 2011.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016.
- H.Hisyami Yazid, *Ilmu Rasm Pedoman Mentashih Mushaf*. Aceh: Perpustakaan Nasional, 2012.
- Kamal Azmi, Tusuf Marlon, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah & Sahlawati Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2014.
- Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan al-Quran telah menetapkan bahawa rasm al-Quran yang diterima pakai di Malaysia adalah Rasm Uthmani. Rasm Uthmani ialah mushaf Madinah yang menggunakan riwayat Hafs. Boleh rujuk Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri Malaysia: <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kawalan-teks-alquran-soalan-lazim>, dicapai pada 2 Ogos 2015.
- Muhammad Karim Rajih, *al-Qira'at al-Asyr al-Mutawatirah min Tariqai al-Syatibiyah wa al-Durrah bi Hamisyi Al-Qut'an al-Karim*. Siriyyah: 1994 M.